

Lesen bazar Ramadan batal jika dijual semula

Saban tahun terdapat pihak yang mengambil kesempatan untuk keuntungan mudah: Anwar

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam memberi amaran bahawa lesen bazar Ramadan yang didapati dijual semula akan dibatalkan dengan segera.

Beliau menegaskan tindakan itu perlu dilaksanakan, kerana saban tahun terdapat pihak yang mengambil kesempatan untuk menjual semula lesen tersebut bagi mendapatkan keuntungan mudah.

“Kalau ada persatuan yang ambil berpuluh ringgit untuk pengawasan dan kebersihan, itu saya faham, tetapi ini (salah kerana) dijual semula.

“Jadi kita kena pastikan siapa yang dapat lesen, dia kerja. Kalau dia pindahkan lesen itu, batal segera,” kata beliau ketika berucap pada perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri, di sini semalam.

Anwar berkata, pembatalan lesen bazar Ramadan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan sedemikian telah diamalkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan boleh dicontohi



PERJUMPAAN: Anwar (tiga kiri) diiringi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof (dua kanan) ketika hadir pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama Warga Jabatan Perdana Menteri Bulan Februari di Puspanitapuri semalam. Turut kelihatan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar (tiga kanan), Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa (dua kiri) dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar (kiri). — Gambar Bernama

oleh pihak berkuasa tempatan lain.

“Jadi saya harap dengan pelaksanaan tegas di Kuala Lumpur, dia menjadi satu contoh. Contoh pelaksanaan yang baik. Bayangkan orang nak berniaga di bulan Ramadan untuk mendapat

hasil dan upah lebih tinggi untuk persiapan (Aidilfitri) untuk keluarga. (Tetapi) itu masih ada tokok-tokok selain daripada kadar ditetapkan,” kata beliau.

Perdana Menteri menegaskan perkara-perkara kecil seumpama itu jika

tidak diambil tindakan boleh menyebabkan keruntuhan tatakelola yang lebih besar dalam negara.

“Tetapi kalau kita biarkan beginilah keadaannya, di merata tempat. Sekecil-kecil gerai, sebesar-besar projek raksasa.

“Jadi saya harap dengan pelaksanaan tegas di Kuala Lumpur, dia menjadi satu contoh. Contoh pelaksanaan yang baik. Bayangkan orang nak berniaga di bulan Ramadan untuk mendapat hasil dan upah lebih tinggi untuk persiapan (Aidilfitri) untuk keluarga. (Tetapi) itu masih ada tokok-tokok selain daripada kadar ditetapkan.”

Datuk Seri Anwar Ibrahim
Perdana Menteri

“Saya percaya (penguatkuasaan) ini juga harus dilakukan di pelabuhan, di lapangan terbang. Kita tengok beberapa sistem yang lebih kemas dan cekap sekarang tetapi tidak terlepas beberapa pelanggaran yang harus kita pantau,” kata Anwar.

Sementara itu, beliau turut mengajak umat Islam di Malaysia untuk memantapkan persiapan diri menjelang bulan suci Ramadan yang akan tiba awal bulan depan.

“Persiapan maknanya sekurang-kurangnya mengulangi dan membaca makna, khasiat dan mesej risalah mengenai Ramadan dan supaya penghayatan itu lebih bermakna.

“Ramadan itu memberikan satu penegasan tentang disiplin, tentang kekuatan rohani dan keyakinan dan juga sifat lebih sederhana, lebih perhatian kepada nasib masyarakat yang tersisih dan terbiar,” kata beliau. — Bernama